

INFO

Maklumat denggi harian - 4 hingga 31 Januari 2015



Negeri	Jumlah kes harian	Jumlah kes terkumpul
Johor	22	701
Kedah	1	100
Kelantan	8	245
Melaka	6	237
Negeri Sembilan	6	200
Pahang	5	339
Perak	50	1,412
Perlis	5	46
Pulau Pinang	29	587
Sabah	27	294
Sarawak	9	327
Selangor	309	6,686
Terengganu	5	173
WP Kuala Lumpur	25	643
WP Labuan	0	0
WP Putrajaya	1	12
Jumlah kes:	508	Jumlah lokaliti wabak: 12,002

Kes denggi di Sabah naik sekali ganda

BH
2/2/2015
mls 11

» Penampang catat peningkatan tertinggi 83.33 peratus

**Oleh Mohd Izham Unnip
Abdullah**

thaddius@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Sabah mencatatkan peningkatan kes denggi hampir sekali ganda antara 1 Januari hingga 28 Januari lalu atau 91.7 peratus kepada 253 kes berbanding 132 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Dr Christina Rundi berkata, kes tertinggi dicatat di ibu negeri dengan 117 kes atau 46.2 peratus daripada jumlah keseluruhan, diikuti Penampang (28) dan Sandakan (24).

Katanya, dalam tempoh itu, 11 daripada 25 daerah di negeri ini mencatat peningkatan kes ketara berbanding tempoh sama tahun lalu dengan Penampang merekodkan peningkatan tertinggi, iaitu 833.3 peratus.

"Ia diikuti daerah Ranau dengan peningkatan 500 peratus, Putatan (400 peratus), Semporna (366.7 peratus), Kota Kinabalu (317.9 peratus), Sandakan (118.2 peratus), manakala Beaufort, Keningau, Pi-

tas, Beluran dan Kunak mencatat peningkatan 100 peratus," katanya kepada BH.

Dr Christina berkata, bagi aktiviti kawalan yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan, 22, 288 premis diperiksa antara 1 Januari hingga 24 Januari lalu dengan 641 premis didapati positif pembiakan nyamuk aedes.

Katanya, jenis premis utama didapati positif pembiakan nyamuk aedes ialah kediaman (333 kes atau 52 peratus), diikuti sekolah (100 kes atau 16 peratus) dan tapak pembuangan sampah (83 kes atau 13 peratus).



118 notis

"Dalam tempoh sama, 118 notis mengikut Seksyen 8, Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 dan 50 kompaun dikeluarkan kepada pemilik premis yang didapati membiarkan pembiakan jentik-jentik.

"Sepanjang tempoh itu, 22 aktiviti gotong-royong dilaksanakan," katanya.

Katanya, Jabatan Kesihatan Sabah memantau rapi pola jangkitan di negeri ini dan giat mengadakan aktiviti kawalan serta pencegahan, termasuk mengesan penduduk yang mengalami tanda penyakit demam denggi.